

Adakan permainan silat Melayu
di majlis2 perkahwinan

Tak perlu ambil permit dari Unit Kawalan Seni Pertahankan Diri

Oleh:
SALIM OSMAN

17 MAY 1975

MENGADAKAN permainan silat Melayu di majlis-majlis perkahwinan tidaklah memerlukan permit dari Unit Kawalan Seni Mempertahankan Diri di Kementerian Halehwal Dalam Negeri, seperti yang di-sangka ramai.

Bagaimanapun, satu permit mengadakan pertunju-

kan itu tetap wajib diambil dari bahagian melesen hiburan Kementerian Kebudayaan lebih awal lagi sebelum permainan seperti itu diadakan di majlis-majlis itu.

Seorang pegawai dari Unit itu memberikan penjelasan demikian sebagai mengulas kebimbangan setengah-setengah orang mengadakan pertunjukan silat di majlis-majlis perkahwinan tanpa permit dari unit itu.

315 — Pegawai

Pegawai tersebut menerangkan: "Undang-Undang Kawalan Seni Mempertahankan Diri, yang melibatkan seni silat Melayu, dikuat-kuasakan dengan tujuan untuk mengawal seni itu daripada jatuh ke tangan orang-orang yang tidak diingini dalam masyarakat.

"Ia mewajibkan semua pertubuhan, instraktor dan pelatih silat mendaftarkan diri dengan unit kami."

Dengan ini, mereka yang tidak mendaftarkan diri boleh didakwa.

Bagaimanapun, kata pegawai itu, undang-undang ini tidaklah meliputi permainan silat Melayu yang biasa diadakan di majlis perkahwinan.

"Permainan silat di majlis-majlis seperti itu adalah dianggap sebagai satu persembahan saja dan persembahan seni ini tidaklah termasuk dalam undang-undang kawalan seni mempertahankan diri," dia menegaskan.

Mencabar

Pegawai itu menambah, adalah dalam pengetahuan unitnya bahawa dalam permainan seperti itu ada juga 'cabar-mencabar' secara persahabatan antara pendekar-pendekar silat untuk mencuba kehandalan masing-masing.

Perlawanan antara mereka di gelanggang yang dibuka dalam majlis itu adalah dalam semangat persahabatan.

Tetapi katanya persembahan - persembahan yang dibolehkan seperti

77A
itu janganlah hendaknya disalahgunakan untuk menyebabkan kacau-bilau.

Pegawai itu menekankan lagi bahawa persatuan yang mengadakan permainan silat di majlis perkahwinan itu haruslah berdaftar dengan unit tersebut kerana kegiatan silatnya itu adalah termasuk di bawah undang-undang seni mempertahankan diri yang mewajibkan pertubuhan silat berdaftar.

Majlis-majlis perkahwinan masyarakat Melayu kadangkala mengambil kumpulan-kumpulan silat untuk menunjukkan persembahan sehari sunuk sebagai ganti mengambil kugiran-kugiran atau kumpulan-kumpulan Keroncong dan Ghazal.

Persembahan - persembahan kesemuanya ini memerlukan satu permit dari bahagian melesen hiburan Kementerian Kebudayaan.

Haji Taha
17 JUN 1975
dipilih lagi

DALAM mesyuarat-
agung yang ketujuh, Per-
pensis (Persatuan Pencak
Silat Singapura) telah
memilih jawatankuasa
baru bagi 1975/1976.

Mereka ialah Ustaz Haji
Mohd. Taha Suhaimi
(Yang Dipertua), Haji
Jumat bin Sidek (Pen-
olong Yang Di Pertua), En-
cik Kamsin Haji Pamer
(Setiausaha) dan Encik
Abdul Rahman bin Jantan
(Penolong Setiausaha).

Sementara lima orang
ahli jawatankuasa terdiri
dari Encik-Encik Abdul
Karim Maidin, Jaafar
Muda, Sange Masyadi,
Ismail Salim dan Abdul
Hamid Kidam.